

# Peluang pelajar lepasan sekolah kenali lebih dekat kursus pilihan di IPT

**PONTIAN** - Pendedahan mengenai kursus pengajian yang ditawarkan oleh pihak universiti memberi peluang kepada pelajar mengenali lebih dekat kursus yang menjadi pilihan mereka, kelak.

Timbalan Ketua Umno Bahagian Tanjung Piai, Datuk Jefridin Atan berkata, pihak universiti kini dilihat lebih mesra pelajar dengan memilih pendekatan turun padang bagi mendekati golongan berkenaan terutama di kawasan luar bandar.

Menurutnya, persaingan untuk mengisi tawaran pengajian demi masa depan yang lebih cerah memerlukan pelajar mempunyai keinginan yang tinggi untuk melanjutkan pengajian bukan setakat di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) sahaja.

Jelasnya, program pendedahan dan penerangan mengenai kursus yang ditawarkan di universiti sebagaimana program Selangkah ke Universiti Tun Hussein Malaysia



**Peserta program Selangkah ke UTHM di Tanjung Piai, diberi pendedahan berkaitan kursus yang ditawarkan universiti itu.**

(UTHM) amat membantu pelajar.

“Program ini dapat memberikan mereka dorongan dan galakkan untuk memperoleh keputusan yang baik pada peperiksaan SPM pada tahun hadapan seterusnya berpeluang melanjutkan pelajaran.

“Kami gembira kerana dapat turut sama menjayakan Program Khidmat Masyarakat UTHM sebagai satu usaha memberikan pendedahan kepada pelajar untuk mengenali masyarakat di Tanjung Piai dengan lebih dekat,” katanya ketika

ditemui di Tanjung Piai Resort, di sini, baru-baru ini.

Seramai 66 pelajar lepasan SPM dan tingkatan empat dari daerah ini menyertai program Selangkah ke UTHM bagi mengetahui lebih lanjut mengenai kursus dan program yang ditawarkan institusi pengajian tinggi (IPT) itu.

Pengarah operasinya, Mohd Amir Syafiq Ahmad, 20, berkata, program tersebut berbentuk khidmat bakti siswa disertai 44 pelajar UTHM.

Menurutnya, bagi program Selangkah ke UTHM, kumpulan ini diberikan tanggungjawab bagi memperkenalkan kursus di bawah Pusat Pengajian Diploma seperti Diploma Kejuruteraan Awam, Diploma Kejuruteraan Elektrik dan Diploma Kejuruteraan Mekanikal

“Turut ditawarkan ialah Diploma Kejuruteraan Kimia dan Diploma Sains Gunaan, Diploma Teknologi Kejuruteraan Awam, dan Diploma Teknologi Kejuruteraan Mekanikal,”

katanya.

Katanya lagi, sempena program tersebut, turut diadakan ceramah agama di Masjid As-Sykirin, Sungai Kual, sukaneka bersama penduduk kampung di Komplek Penghulu Mukim Serkat dan Malam Kebudayaan di Sekolah Kebangsaan (SK) Rimba Terjun.

Selain itu, pelajar UTHM juga menjayakan Gotong Royong Perdana di Kampung Parit Rambai, destinasi terakhir program khidmat masyarakat di Tanjung Piai.